

**TEKS UCAPAN Y.B. DATO' YONG KHOON SENG  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
BERSAMA WARGA KERJA RAYA**

**21 DISEMBER 2009 (ISNIN)  
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA DATUK THOMAS GEORGE  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI NASIR BIN MAT DAM  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI PROF. IR. DR. JUDIN BIN ABDUL  
KARIM  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA DATUK IR. HAMZAH BIN HASSAN  
KETUA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
(CIDB)

YANG BERBAHAGIA DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD. SALLEH  
PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

YANG BERBAHAGIA IR AHMAD ASRI BIN ABDUL HAMID  
PRESIDEN PROFESSIONAL SERVICES DEVELOPMENT  
CORPORATION (PSDC),

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
WARGA KERJA RAYA HADIRIN SEKALIAN.

Salam sejahtera dan salam Satu Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur di atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini yang juga merupakan majlis perhimpunan bulanan terakhir bagi tahun 2009. Saya juga ingin menyampaikan salam daripada YB Menteri yang tidak dapat hadir bersama-sama kita pada pagi ini.

Y.Bhg Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Tirai bagi tahun 2009 sudah hampir dilabuhkan. Apabila mengimbau kembali pencapaian Kementerian Kerja Raya sepanjang tahun ini, dapat kita lihat beberapa siri kejayaan yang perlu diteruskan kecemerlangannya. Kejayaan diiktiraf sebagai satu-satunya kementerian berstatus lima bintang pada awal tahun ini merupakan satu pengiktirafan kepada kejayaan usaha kita dalam memastikan sistem tadbir urus dan sistem penyampaian kita kepada rakyat dan pelanggan di tahap yang terbaik.

3. Kerajaan juga mengiktiraf peranan dan perkhidmatan kita khusus dalam menyediakan khidmat perundingan teknikal dan kepakaran kejuruteraan. Di sebalik beberapa insiden yang sedikit sebanyak telah mengundang persepsi negatif terhadap kita, kejayaan menyiapkan projek-projek pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, hospital, sekolah, kompleks pejabat, pusat pentadbiran serta pengurusan penyenggaraan aset dan fasiliti sepanjang tahun 2009 secara keseluruhannya membuktikan kesungguhan kita di dalam memenuhi tuntutan sosioekonomi dan kebajikan rakyat. Lantaran itu kita terus

diberi kepercayaan sebagai agensi utama dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur di mana kerajaan antara lain telah bersetuju supaya pelaksanaan pembangunan jalan raya di sepanjang koridor pembangunan wilayah ekonomi di seluruh negara dan projek-projek inisiatif swasta atau PFI diserahkan semula kepada JKR.

4. Kita juga turut menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Pembukaan beberapa rangkaian lebuh raya baru seperti Jalan Duta-Ulu Kelang (DUKE), Lebuhraya Senai-Desaru, laluan terus tanpa henti Ipoh Selatan-Jelapang dan siapnya kerja-kerja pelebaran Jambatan Pulau Pinang, merupakan hasil daripada cetusan idea yang berorientasikan keselesaan dan kemudahan pengguna-pengguna lebuh raya yang akhirnya dapat membantu merangsang pertumbuhan ekonomi. Penerapan penggunaan *Industrialised Building System* atau yang dikenali sebagai IBS dalam industri pembinaan turut menampakkan reaksi yang positif khususnya di kalangan penggiat industri baik bagi projek-projek kerajaan mahupun swasta.

5. Selain daripada itu, program pembangunan kapasiti dan kapabiliti di kalangan kontraktor, perunding dan tenaga pekerja mahir dalam industri pembinaan juga terus diutamakan bagi meletakkan Malaysia tergolong dikalangan kumpulan negara dengan ekonomi pendapatan tinggi. Bagi melengkapkan pencapaian ini, penglibatan para profesional termasuk syarikat perunding dan kontraktor di peringkat antarabangsa terus diperkukuhkan selaras dengan perkembangan globalisasi dan menyahut cabaran liberalisasi. Ini dapat dibuktikan menerusi statistik yang menunjukkan sehingga kini sebanyak 106 firma profesional berkaitan pembinaan telah dan sedang melaksanakan sebanyak 412 projek di luar negara.

Y.Bhg Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Tujuan saya menyenaraikan beberapa kejayaan yang disebutkan sebentar tadi bukanlah semata-mata untuk kita berbangga dengan apa yang telah dicapai. Kita sebaliknya perlu melihat dari perspektif betapa cabaran yang menanti pada tahun 2010 nanti adalah lebih besar berbanding apa yang telah kita tempuhi. Pada tahun hadapan kita perlu berusaha dengan lebih gigih bagi melonjakkan kejayaan yang sedia ada kepada kejayaan yang lebih gemilang. Tahun hadapan adalah masanya untuk kita semua melenyapkan persepsi negatif yang timbul daripada beberapa insiden yang tidak diinginkan dan meraih kembali keyakinan rakyat terhadap semua infrastruktur yang disediakan. Untuk itu, setiap projek perlu dilaksanakan dengan penuh integriti. Kes-kes seperti kebocoran siling, tiang retak, bumbung runtuh dan jalan mendap yang menjadi rungutan rakyat tidak sepatutnya berlaku ketika kita sedang giat mempromosikan perkhidmatan kita di peringkat global.

7. Tidak dapat dinafikan kesemua kejadian ini sebenarnya amat berkait rapat dengan integriti. Penerapan nilai integriti seharusnya wujud dalam setiap aspek tugas yang kita laksanakan. Ini termasuklah semasa membuat keputusan dalam proses perolehan; aspek pemantauan semasa kerja dilaksanakan; kepatuhan kepada masa, standard, kualiti dan kos yang ditetapkan; dan aspek keselamatan kepada pengguna. Selain daripada itu, tindakan pantas dan tidak bertanggung adalah amalan yang perlu diterapkan dalam kerja kita supaya setiap projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan bukannya hanya memberi janji kosong semata-mata kepada rakyat.

8. Kita perlu sedar bahawa cabaran perkhidmatan awam pada masa kini adalah jauh lebih kompleks dan rumit berbanding sepuluh tahun atau dua puluh tahun yang lepas. Mereka yang leka atau malas bekerja akan jauh ketinggalan dan tidak mampu berdiri selari dengan kehendak dan tuntutan semasa yang lebih bersifat global dan kompetitif. Oleh itu, integriti di samping usaha gigih yang berterusan adalah ramuan penting di dalam menjadikan tuan-tuan dan puan-puan terus signifikan sebagai penjawat awam yang merupakan tulang belakang dalam penyampaian perkhidmatan oleh Kerajaan.

Y.Bhg Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Seperti kita sedia maklum, peruntukan belanja pembangunan bagi tahun 2010 telah berkurang sebanyak 35.9% berbanding peruntukan yang disalurkan pada tahun ini. Dengan bajet yang agak terhad ini, perancangan setiap projek yang akan dijalankan mestilah dibuat dengan lebih teliti. Kekangan bajet ini tidak patut dijadikan sebagai satu alasan untuk kita mengurangkan produktiviti, sebaliknya ia patut dianggap sebagai satu cabaran untuk membuktikan bahawa kita masih mampu melaksanakan amanah rakyat dengan cemerlang walaupun dengan sumber yang agak terhad. Dalam hubungan ini, pemantauan yang betul dan berterusan perlu dibuat bagi memastikan projek kerajaan dilaksanakan dengan telus dan efisien. Pegawai-pegawai yang berkenaan juga perlu turun padang bagi turut sama memantau perjalanan projek. Perlu kita ingat, setiap kali projek-projek kerajaan lewat disiapkan, ia memerlukan masa tambahan dan setiap masa tambahan merupakan pembaziran yang begitu besar dan ia melibatkan wang rakyat.

10. Pendekatan yang serupa juga diperlukan bagi mengawal perbelanjaan operasi memandangkan peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2010 yang turut mencatatkan angka penurunan. Suka saya berpesan kepada tuan-tuan untuk kita bersama-sama melakukan perbelanjaan berhemah dalam setiap urusan atau program yang dianjurkan. Kita tidak lagi boleh bermewah-mewah di dalam mengadakan sesuatu majlis. Berbelanjalah dengan cekap dan bijaksana dalam melaksanakan amanah rakyat dengan sebaik mungkin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Bersempena dengan kedatangan tahun baru 2010 yang bakal tiba tidak lama lagi, marilah kita semua bersama-sama menetapkan azam kita bagi memastikan Kementerian Kerja Raya akan sentiasa relevan kepada *stakeholder* dan pelanggan baik di kalangan rakyat tempatan mahupun di peringkat global. Kekalkan status kita sebagai agensi peneraju dalam pembangunan infrastruktur negara di samping terus memastikan daya saing yang sihat dalam sektor pembinaan. Akhir kata dari saya, selamat menyambut Hari Natal dan Selamat Tahun Baru 2010.

Sekian, terima kasih.